

19 SEP 2000

JERMAN-MALAYSIA/I (Ulangan dengan beberapa pembedulan ejaan)
SYARIKAT JERMAN PUSAT HATI TERHADAP MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Syarikat-syarikat Jerman berpuas hati dengan keadaan di Malaysia dan cara mengurus niaga di sin, kata Menteri Ekonomi dan Teknologi Jerman, Dr Werner Muller, hari ini.

"Saya tidak menerima walau satu suratpun sebelum lawatan ini juga saya tidak mendengar sebarang sungutan penting daripada industri-industri Jerman untuk disampaikan kepada pihak berkuasa Malaysia," belia memberitahu persidangan akhbar pada akhir Persidangan Asia Pasifik Industri Jerman ke-8 di sini.

Beliau menjawab soalan mengenai tahap kepuasan hati di kalangan syarikat Jerman terhadap kedudukan di rantau ini.

Sementara itu, CEO dan pengerusi Jawatankuasa Asia-Pasifik Siemens, Dr Heinrich von Pierer, berkata syarikat-syarikat Jerman berpuas hati dengan bagaimana baiknya Malaysia muncul daripada kerisis kewangan Asia.

"Anda hanya perlu lihat Kuala Lumpur dan tapak-tapak pembinaan yang banyak itu untuk melihat keadaan yang bergerak dan pertumbuhan yang baik di sini," tambahnya.

Beliau berkata Siemens dan anak-anak syarikatnya bercadang untuk melabur RM3 bilion di Malaysia dalam bidang-bidang teknologi tinggi sepanjang dua setengah tahun akan datang dan ini akan menghasilkan tenaga kerja Siemens di sini meningkat kepada 10,000 orang daripada 7,000 sekarang.

Oleh itu, beliau menambah bahawa di masa akan datang, Siemens akan menyumbang AS\$1 bilion kepada lebih dagangan Malaysia.

Katanya Siemens juga akan gembira terbabit dalam projek-projek infrastruktur di Malaysia jika peluang-peluang timbul.

"Tahap pelaburan yang tinggi mencerminkan kepuasan syarikat ini dengan keadaan di Malaysia," katanya.

Keseluruhannya, katanya syarikat-syarikat Jerman mempunyai "optimism terkawal" mengenai prospek rantau ini.

Daripada segi politik, syarikat-syarikat Jerman juga mempunyai optimisme terkawal terhadap rantau ini dan mahu melihat pembaharuan yang berjalan berterusan kerana "setiap negara Asia Pasifik perlu sedar ia berada dalam persaingan dengan negara-negara lain untuk menarik pelaburan."

"Setiap negara bertanggung jawab bagi memastikan tahap daya saingannya dan salah satu bahagian ini ialah persekitaran yang stabil," katanya.

Sementara itu, Dr Muller berkata negara-negara Asia Pasifik menawarkan peluang-peluang kepada syarikat-syarikat Jerman dalam semua sektor ekonomi, terutamanya dalam infrastruktur dan pembaharuan infrastruktur kerana permintaan bagi kekukuhan teknikal dan kewangan syarikat-syarikat Jerman.

Beliau juga menegaskan bahawa kerajaan Jerman akan menyokong industri-industri Jerman.

"Adalah penting bagi dasar-dasar ekonomi Jerman memastikan bahawa industri-industrinya tidak lebih buruk daripada negara-negara perindustrian lain supaya syarikat-syarikat Jerman tidak akan lemah daripada segi persaingan," tambahnya.

Dasar-dasar ekonomi Jerman tertumpu kepada menggalakkan syarikat-syarikat Jerman supaya melipat gandakan usaha, terutamanya dalam infrastruktur, tambah beliau.

Menyentuh mengenai perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan pegawai-pegawai lain, katanya beliau menumpukan kepada pentingnya pendidikan dan globalisasi.

Mengenai pendidikan, Dr Muller berkata beliau bersetuju bahawa terdapat keperluan bagi menggalakkan lebih banyak pelajar asing, termasuk Malaysia, belajar di universiti-universiti Jerman kerana setelah mereka tamat pengajian mereka dan mulai bekerja di negara mereka masing-masing, mereka boleh datang menjadi "duta" bagi industri-industri Jerman.

Mengenai globalisasin dan pusingan Pertubuhan Perdagangan Dunia, katanya terdapat persetujuan mengenai perlunya Malaysia berdepan dengan cabaran-cabaran itu.

Malaysia, katanya, adalah juga prihatin terhadap peluang-peluang bagi dirinya sendiri di dalam dan juga di pasaran dunia.

"Tetapi Malaysia telah meminta persefahaman kerana ia mahu melihat globalisasi ditangani secara ia tidak menyebabkan perpecahan dalam masyarakat di sini," tambah beliau.

Mengenai euro, katanya kelamahannya pada masa ini tidak sepatutnya diperbesar-besarkan dan ada masa-masa dolar AS adalah serendah 1.30 mark berbanding dengan 2.20 marks seakrang.

"Kami di Jerman mempunyai kestabilan dan tiada inflasi. Itu adalah penting bagi perniagaan dan kerajaan. Saya yakin bahawa euro akan meningkat sekali lagi dan ia tidak akan begitu lama," tambahnya.

Persidangan iti, yang berakhir hari ini, meluluskan sembilan usul dan satu daripadanya ialah bahawa dialog ekonomi dan politik dengan negara-negara di rantau Asia Pasifik adalah penting bagi masa depan ekonomi Jerman.

Syarikat-syarikat Jerman juga mahu kegunaan peluang-peluang teknologi seperti e-dagang dilipat gandakan bagi kerjasama lebih baik dengan negara-negara di ranta ini.

Syarikat-syarikat Jerman juga mahu kerja sama di kalangan universiti, institusi-institusi penyelidikan dan program-program latihan sambil kerja dilipat gandakan supaya Jerman sekali lagi akan mendapat permintaan besar sebagai destinasi untuk pengajian, penyelidikan dan latihan.

Persidangan akan datang akan diadakan di Jepun pada 2002. -- BERNAMA
MSL SHY OS